

Dr M: Saya beri peluang Pak Lah jadi PM sepenggal
Malaysiakini.com
April 22, 2007
Muda Mohd Noor

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau memilih Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya kerana menjangkakan beliau seorang yang bersih.

"Semua orang bercakap Abdullah seorang yang bersih. Abdullah Mr Clean. Jadi saya kata Abdullah pun Mr Clean tetapi ketika itulah. Masa itu tidak muncul Khairy (Jamaluddin).

"Lagipun dia berumur berbanding Najib (Datuk Seri Najib Tun Razak). Jadi saya bagi peluang kepada Abdullah jadi Perdana Menteri.

"Selepas sepenggal menjadi Perdana Menteri, saya harap dia (Abdullah) beri kepada Najib pula.

"Saya tahu bila pilih Abdullah, ia tidak adil kepada Najib kerana kerana Najib mendapat undi terbanyak jawatan naib presiden Umno dalam perhimpunan agung 1996," katanya selepas menyampaikan ceramah `Sepetang Bersama Tun' anjuran Umno Pusat Bandar Taman Cempaka bahagian Pandan dekat ibu negara yang dihadiri kira-kira 500 orang, semalam

Khairy merupakan menantu Perdana Menteri setelah beliau berkahwin dengan anak tunggal perempuan Abdullah, Nori.

Beliau juga merupakan Naib Ketua Pemuda Umno setelah menang tanpa bertanding dalam perhimpunan agung parti pada 2004.

Bagaimanapun, bekas Perdana Menteri itu menjelaskan beliau tidak membuat sebarang perjanjian dengan Abdullah supaya menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Najib selepas sepenggal.

Menang tanpa bertanding

Dalam majlis tersebut, Dr Mahathir juga mengulas mengenai Khairy setelah ditanya oleh seorang ahli Umno yang menghadiri majlis tersebut.

"Dia (Khairy) begitu pintar sehingga dia menang tanpa bertanding jawatan Naib Ketua Pemuda Umno walaupun tidak pernah bertanding sebelum ini.

"Budak ini, budak baru dan dia tidak pernah berlumba tetapi menang tanpa bertanding kerana kuda lain tidak boleh lari kerana kaki kena ikat," katanya dengan nada sinis.

Beliau menambah, kalau ada perlumbaan lagi kena tengok kaki siapa yang kena ikat.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata, politik dinasti yang berlaku di dalam negara menyebabkan kontrak hanya diperolehi orang tertentu.

Katanya, orang luar dari dinasti itu tidak boleh masuk kerana bimbang mereka juga terpaksa diberi kontrak yang sama.

Dr Mahathir juga mahu kerajaan mendedahkan siapakah yang mendapat 85 projek kerajaan yang dialibaba itu.

"Ini nama tidak dedah, siapa pun tidak tahu. Orang hendak tahu siapa dia. Saya nak tahu juga," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/66286>